

Penutupan Pusat Keamanan Raja Salman tanpa rundingan Arab Saudi

Malaysia sedia bincang - PM

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia sedia mengadakan perbincangan semula berhubung pembinaan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP) yang dihentikan sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau sendiri secara peribadi tidak bersetuju dengan kaedah penutupan operasi pusat berkenaan yang dibuat tanpa rundingan dengan kerajaan Arab Saudi sebelum ini.

Sehubungan itu, katanya, perkara itu sudah dizahirkan secara peribadi kepada pemimpin Arab Saudi.

“Mana-mana kerajaan berhak atau boleh mencadangkan penutupan, tetapi dengan sahabat (Arab Saudi) harus ada rundingan, harus ada notis, harus ada perbincangan. Ini nampaknya tidak dijalankan.

“Jadi saya tidak boleh pertahankan cara gopoh penutupan inisiatif tanpa berunding dengan pihak terlibat.

“Apakah perlu mereka kemukakan semula? Kita terbuka untuk berbincang. Menetapkan peraturan dan kaedah yang wa-



ANWAR Ibrahim bersama isterinya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail menziarahi makam Nabi Muhammad SAW di Masjid Nabawi, Madinah. kelmarin. - PEJABAT PERDANA MENTERI

jar,” katanya dalam sidang media di Jeddah pada penghujung lawatan rasmi tiga hari beliau ke Arab Saudi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada pentadbirannya bercadang menghidupkan kembali pembinaan premis kekal pusat itu di Putrajaya.

KSCIP diilhamkan selepas kunjungan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdul Aziz Al-Saud ke Malaysia pada Mac 2017 serta penyertaan Perdana

Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Razak dalam sidang kemuncak di Riyadh yang dihadiri Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump.

Najib pada Julai 2017 dilaporkan berkata, pusat itu bakal mempunyai sebuah bangunan kekal di tanah seluas 16 hektar di Putrajaya, bersamaan 20 padang bola sepak.

Bagaimanapun, Malaysia pada Ogos 2018 dilaporkan menghentikan operasi KSCIP tersebut dengan pejabat se-

mentaranya di Jalan Ampang juga ditutup serta-merta.

Menteri Pertahanan ketika itu, Datuk Seri Mohamad Sabu dilapor berkata, fungsi KSCIP diserap ke dalam Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MiDAS) di bawah Kementerian Pertahanan.

Sementara itu, Anwar dan delegasi diberi penghormatan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk mengunjungi Raudhah dan menziarahi makam Nabi Muhammad SAW di Madinah.